

06/01/1998

Tingkatkan pelaburan atasi kegawatan

Mior Kamarul Shahid

SEORANG sahabat lama menelefon menyatakan kebimbangannya mengenai pengaliran wang yang begitu banyak dalam tempoh terdekat berikutan pengeluaran dividen Amanah Saham Nasional/Amanah Saham Bumiputera (ASN/ASB). Menurutny, jika tidak percaya tengoklah, habis wang dividen dikeluarkan terutama menjelang sesi persekolahan yang dibuka minggu ini, lebih-lebih lagi menjelang hari perayaan. Kawan kita itu yang pernah menjadi pengurus bank berkata daripada pengalaman bertugas di bank, setiap kali pembayaran dividen, sebahagian besar wang dikeluarkan. Kali ini, RM116.03 juta akan dibayar kepada pelabur. Jika tiada seorang pun Bumiputera mengeluarkan dividen, sekurang-kurangnya kita ada RM100 juta modal pelaburan tambahan. Tak kiralah sama ada wang itu kita punya atau rakan kita yang nyata ia adalah milik Bumiputera. Malam semalam, terbukti kata-kata kawan kita tu benar apabila di Sabah, orang ramai berpusu-pusu ke bank dan pejabat pos. Jika tujuan mereka untuk mengemaskan akaun, syukurlah. Tapi, daripada maklumat yang kita dengar, ramai mengeluarkan dividen mereka.

Kawan kita tu berkata, setiap Bumiputera mempunyai peranan penting bagi menangani kegawatan ekonomi hari ini. Salah satu caranya ialah meningkatkan tabungan. Kalau kita tidak dapat menabung sebulan dua ini pun tak apa, asalkan dividen kita tu tidak diusik. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menjelaskan pentingnya kita menabung kerana ia mempunyai kesan yang besar dalam menghadapi kegawatan hari ini. Bila wang tidak dikeluarkan, bermakna kita tidak membeli barang yang tidak perlu.

Sabahat kita tu bimbang, dengan nilai mata wang yang agak rendah sekarang, bukan saja dividen akan dikeluarkan, mungkin wang pelaburan juga dikeluarkan. Jadi, kalau mengharapkan wang dividen untuk meningkatkan pelaburan, kita anggap harapan kita begitu tipis.

Sahabat kita tu bertanya, siapa akan mengaut untung? Siapa lagi, peniaga? Kalau peniaga itu menabungkan wang berkenaan di dalam negara, tak apa jugalah. Tapi, beliau bimbang ramai antara peniaga yang membawa wang itu keluar. Paling buruk, mereka menyimpan wang berkenaan di bank lain di luar negara dengan alasan tersendiri. Golongan ini peduli apa dengan semangat nasionalisme atau patriotisme. Asalkan mereka dapat untung, sudah. Kita tidak mahu rakyat bersifat seperti ini. Pada kita, di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung. Jika mereka tidak kasihkan negara ini, eloklah buang kerakyatan dan berhijrah ke negara yang mereka suka. Kita tidak mahu tindakan sesetengah peniaga menimbulkan pelbagai pandangan negatif terhadap ekonomi negara ini. Apa yang lebih menakutkan ialah tindakan mereka dianggap rakyat asing yang rakyat sendiri tidak yakin terhadap keselamatan wang mereka di negara sendiri. Jika rakyat menunjukkan sikap seperti itu, bagaimana pelabur asing boleh yakin dengan kukuh ekonomi negara ini. Kita cadangkan mereka yang berbuat demikian tanpa alasan kukuh, dilucutkan kerakyatannya.

Habis, kita bertanya kepada kawan kita itu, apa yang boleh dilakukan untuk mengelakkan pelabur mengeluarkan dividen mereka sedangkan itu adalah hak mereka. Jelasnya, kita mesti tanamkan semangat nasionalisme dan patriotisme pada jiwa rakyat. Dengan cara itu saja, mereka dapat mengekalkan pelaburan dalam tabung amanah. Jika semua orang keluarkan dividen, susahlah pelaburan kita meningkat. Setiap kita harus membantu memulihkan kegawatan hari ini. Jika kita tidak berbuat demikian, siapa

lagi yang diharapkan. Malaysia adalah tanah tumpah darah kita. Kita sudah tidak ada tempat lain untuk berhijrah. Jika kita diminta berdisiplin berbelanja, kita harus lakukan.

Menurutnya setiap kita boleh memberi penerangan kepada pelabur saham amanah yang kita kenal mengenai kesan mengeluarkan dividen berlebihan, terutama dalam menghadapi kegawatan ekonomi sekarang. Jika dividen itu tidak diusik langsung, lagi bagus. Wang tabungan itu boleh digunakan untuk tujuan yang boleh meningkatkan semula keyakinan pelaburan di negara ini.

Kita yakin ramai Bumiputera faham kesan buruk yang akan dialami jika menggunakan wang tanpa perhitungan mendalam. Jika hendak menampung perbelanjaan sekolah anak, kita terima logiknya. Tapi, jika hendak bermewah ketika keadaan belum menentu, kita berpendapat ia adalah keputusan yang tidak baik.

Penubuhan ASN/ASB begitu besar ertinya kepada Bumiputera. Selama ini penubuhannya lebih 10 tahun, kita sudah banyak mendapat hasilnya. Apakah salahnya kali ini kita buat ikrar baru - jangan keluarkan dividen. Tapi, jika semua yang dikumpulkan habis digunakan untuk tujuan kurang bermanfaat, apakah ertinya menabung.

Disebabkan kita juga ramai kenalan yang melabur, memang kita pun ada dengar rancangan sesetengah daripada mereka. Bagi yang berpandangan positif, mereka berazam meningkatkan tabungan. Bagi golongan yang tidak kisah, mereka terlalu banyak merancang. Disebabkan menyedari wang akan masuk, mereka sudah mula berhutang. Ramai yang berbelanja menggunakan kad kredit hingga ke tahap maksimum. Lepas ini, dividen yang dikeluarkan hanya untuk melunaskan hutang dan akhirnya wal hasil balik asal.

(END)